



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**27 SEPTEMBER 2017 (RABU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- Baiki segera penutup lampu 39

**Utusan Malaysia**

- Penduduk Taman Melawati serah isu kepada SPRM untuk siasat 26

**Berita Harian**

- Kawasan riadah jadi 'port' aktiviti tak sihat 12



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>27 SEPTEMBER 2017 (RABU)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Baiki segera penutup lampu
Muka Surat	39

## Baiki segera penutup lampu


**PANDAN INDAH** - Penduduk bimbang terhadap keadaan penutup lampu yang rosak dan menunggu masa untuk jatuh di Jalan Kuari, di sini.

Peniaga, Lou Kok Kim berkata, perkara ini juga boleh membahayakan pengguna jalan raya khususnya penunggang motosikal.

"Setiap kali lalu jalan ni, saya akan pandang atas takut penutup lampu tu terjatuh, bila hujan atau angin kencang, benda itu pasti akan bergoyang.

"Masalah ini sudah berlarutan sejak dua minggu lalu, aduan juga telah diajukan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) untuk tindakan lanjut," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Biro Perkhidmatan dan Aduan Awam Gerakan, Ben Liew Pok Boon berkata, pihaknya te-



Ben Liew (empat, kanan) bersama penduduk melihat penutup tiang lampu yang rosak.

lah menghantar surat kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), semalam.

Dalam perkembangan sama, Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, pihaknya sedia maklum berhubung aduan penduduk itu.

"Kita telah maklumkan kepada Jabatan Kerja Raya untuk jalankan kerja baik pulih dalam tempoh terdekat," katanya.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>27 SEPTEMBER 2017 (RABU)</b>	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Penduduk Taman Melawati serah isu kepada SPRM untuk siasat
Muka Surat	26

## Penduduk Taman Melawati serah isu kepada SPRM untuk siasat

UM N/S 26 27/9/17.

**AMPANG JAYA 26 Sept.** - Persatuan Penduduk Taman Melawati Zon A, B dan C mahu membawa isu projek pembangunan pusat konvensyen di tapak PR14843 di Taman Melawati di sini kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam masa terdekat.

Perengerusinya, Razman Hakim Abdullah berkata, langkah itu diambil bagi membolehkan SPRM menjalankan siasatan terhadap projek yang didakwa tidak telus.

Menurutnya, jawatankuasa persatuan penduduk sebulat suara mahu siasatan terperinci dijalankan selepas rundingan demi rundingan tidak menyebelahi pihaknya.

Katanya, terdapat beberapa justifikasi yang meragukan antaranya pelan asal pada 2014 meluluskan pembangunan taman rekreasi namun diganti dengan projek lain tanpa ada pendengaran awam dibuat mahupun perbincangan antara penduduk dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

"Persoalan timbul apabila dalam tempoh lima bulan ia diganti dengan sebuah projek mega bagi memina pusat konvensyen bernilai RM27 juta.

"Bagaimana sesebuah projek besar seumpamanya boleh melepasi semua proses kelulusan dengan mudah? Baik di peringkat exco, pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri Hulu Kelang, Saari Sungib mendakwa tidak mengetahui apa-apa berkaitan projek dalam kawasan itu, katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Penduduk Taman Melawati Zon A, B dan C di sini.

Menurut Razman Hakim, resolusi bagi membawa aduan penyiasatan secara rasmi kepada SPRM itu akan diserahkan akhir minggu ini termasuk membawa beberapa dokumen, gambar dan surat-menyurat sepanjang rundingan antara penduduk dengan pihak terlibat.

Katanya, pelaksanaan projek yang bakal diadakan majlis pecah tanah pada Disember ini mengundang pelbagai bantahan terutama janji untuk mengekalkan kawasan hijau dengan taman rekreasi gagal ditunaikan.

"Diharap siasatan lanjut kelak dapat dilakukan secara menyeluruh melibatkan semua pihak termasuk kerajaan negeri, PBT serta pemuja secara adil bagi kesejahteraan penduduk.

"Terdapat 1,180 unit rumah dalam kejiranan ini yang akan terkesan secara langsung jika projek tersebut diteruskan

"Hampir 75 peratus penduduk di sini merupakan warga emas yang mahu cadangan membina taman rekreasi itu dapat direalisasikan," ujarnya.

**RAZMAN HAKIM ABDULLAH** (lima dari kanan) bersama Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk Taman Melawati Zon A, B dan C selepas Mesyuarat Agung Tahunan persatuan itu di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

**KERATAN**  
**Utusan**  
**Malaysia**  
**22 September**  
**2017**

**Penduduk Melawati tetap bantah projek**

**AMPANG JAYA 26 Sept.** - Penduduk Taman Melawati Ampang Jaya (MPAJ) berdegut-degut, tetap memprotes projek pembangunan pusat konvensyen di tapak PR14843 di Taman Melawati. Mereka mahu siasatan terperinci dijalankan terhadap projek yang didakwa tidak telus.

Perengerusinya, Razman Hakim Abdullah berkata, langkah itu diambil bagi membolehkan SPRM menjalankan siasatan terhadap projek yang didakwa tidak telus.

Menurutnya, jawatankuasa persatuan penduduk sebulat suara mahu siasatan terperinci dijalankan selepas rundingan demi rundingan tidak menyebelahi pihaknya.

Katanya, terdapat beberapa justifikasi yang meragukan antaranya pelan asal pada 2014 meluluskan pembangunan taman rekreasi namun diganti dengan projek lain tanpa ada pendengaran awam dibuat mahupun perbincangan antara penduduk dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

"Persoalan timbul apabila dalam tempoh lima bulan ia diganti dengan sebuah projek mega bagi memina pusat konvensyen bernilai RM27 juta.

"Bagaimana sesebuah projek besar seumpamanya boleh melepasi semua proses kelulusan dengan mudah? Baik di peringkat exco, pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri Hulu Kelang, Saari Sungib mendakwa tidak mengetahui apa-apa berkaitan projek dalam kawasan itu, katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Penduduk Taman Melawati Zon A, B dan C di sini.

Menurut Razman Hakim, resolusi bagi membawa aduan penyiasatan secara rasmi kepada SPRM itu akan diserahkan akhir minggu ini termasuk membawa beberapa dokumen, gambar dan surat-menyurat sepanjang rundingan antara penduduk dengan pihak terlibat.

Katanya, pelaksanaan projek yang bakal diadakan majlis pecah tanah pada Disember ini mengundang pelbagai bantahan terutama janji untuk mengekalkan kawasan hijau dengan taman rekreasi gagal ditunaikan.

"Diharap siasatan lanjut kelak dapat dilakukan secara menyeluruh melibatkan semua pihak termasuk kerajaan negeri, PBT serta pemuja secara adil bagi kesejahteraan penduduk.

"Terdapat 1,180 unit rumah dalam kejiranan ini yang akan terkesan secara langsung jika projek tersebut diteruskan

"Hampir 75 peratus penduduk di sini merupakan warga emas yang mahu cadangan membina taman rekreasi itu dapat direalisasikan," ujarnya.

**RAZMAN HAKIM ABDULLAH** (lima dari kanan) bersama Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk Taman Melawati Zon A, B dan C selepas Mesyuarat Agung Tahunan persatuan itu di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAGHAIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**27 SEPTEMBER 2017 (RABU)**

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Kawasan riadah jadi 'port' aktiviti tak sihat
Muka Surat	12

Ms.12

Rabu, 27 September 2017 BH

# → HALAMAN KOTA

## ADUAN PEMBACA

Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke [bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

### TAMAN TASIK DATUK KERAMAT



Satu daripada lima pondok rehat untuk kemudahan orang ramai di Taman Tasik Datuk Keramat, Kuala Lumpur.



Kawasan belakang tandas awam Taman Tasik Datuk Keramat yang terencil dikuatiri jadi tempat aktiviti tidak sihat.

### Info

**Taman Tasik Datuk Keramat**  
→ 6 pagi – 8 malam waktu operasi  
→ Lebih 3 laluan masuk ke Taman Tasik Datuk Keramat  
→ 500 meter trek larian

## Kawasan riadah jadi 'port' aktiviti tak sihat

➔ Penduduk minta wujud semula polis bantuan kawal semula lokasi

Oleh Mohd Farkhan Abdul Ghapar  
[bhnews@bh.com](mailto:bhnews@bh.com)  
Kuala Lumpur

**W**ujudkan semula kawalan keselamatan di Taman Tasik Datuk Keramat.

Harapan itu diluahkan penduduk berikutan peningkatan gejala tidak sihat di kawasan riadah itu seperti vandalisme, ponteng sekolah, jepak hingga lewat malam, selain menjadi tempat melepaskan penagih dadah.

Penduduk mahu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mewujudkan semula kawalan polis bantuan di taman awam itu untuk memantau pengunjung daripada melakukan perbuatan tidak bermoral.

Mereka mahukan pihak berwajib mengawal semula taman itu serta menghadkan waktu kunjungan supaya tiada pengunjung melakukan gejala tidak sihat dalam kawasan berkenaan terutama pada waktu malam.

Menurut penduduk, pada awal pembukaan taman tasik itu kepada umum beberapa tahun lalu, ada polis bantuan bertugas selain waktu kunjungan dihadkan sehingga jam 8 malam.

**Wujud kegiatan tak bermoral**  
Bagaimanapun, sejak kawalan polis bantuan ditukar kepada perkhidmatan anggota pengawal keselamatan, banyak berlaku kegiatan tidak bermoral.

Penduduk mendakwa, sebelum ini ada pengawal keselamatan di taman itu tidak meneruskan tugas kerana timbul masalah berhubung bayaran gaji.

Berikutan itu, orang awam mudah menyelip masuk ke kawasan taman awam berkenaan pada waktu malam, malah ada yang bermalam di pondok di taman berkenaan.

Tinjauan *Halaman Kota* semalam mendapati hanya seorang pengawal keselamatan bertugas di pos kawalan di taman awam itu.

Difahamkan, dua orang pengawal bertugas secara bergilir pada

waktu siang dan malam.

Penduduk, Norhidayanti Ali Fauzi, 48, yang menetap lebih 10 tahun di sekitar situ, mendakwa kawasan itu menjadi lokasi tumpuan remaja dan anak muda untuk berkumpul terutama pada lewat malam.

"Pada siang hari, kawasan ini meriah dengan orang awam yang beriadah dan bersukan, namun waktu malam, bukan aktiviti riadah tapi lebih kepada melepak, merokok dan membuat bising."

"Apa yang merisaukan, apabila tiada pihak berkuasa bertugas di sini, pengunjung bebas melakukan apa sahaja terutama pergaulan bebas remaja lelaki dan perempuan."

**'Port' pelajar ponteng**

"Malah, pada waktu siang, kawasan ini juga menjadi port kepada pelajar ponteng," katanya.

Norhidayanti mendakwa, penduduk juga berasa tidak selesa kerana ada pengunjung tidak mengendahkan kekeselamatan penduduk setempat dengan membuat bising hingga lewat malam.

"Kalau mereka sambut ulang tahun hari kelahiran, memang sangat bising hingga lewat malam, sudahlah buat bising, mereka turut mengotorkan kawasan ini dengan sisa tepung dan telur."



Apa yang merisaukan, apabila tiada pihak berkuasa bertugas di sini, pengunjung bebas melakukan apa saja terutama pergaulan bebas remaja lelaki dan perempuan"

Norhidayanti Ali Fauzi, Penduduk

"Lebih teruk, ada juga yang merosakkan harta awam, seperti membakar tong sampah," katanya.

Seorang penduduk yang enggan nama disiarkan, mendakwa kawasan belakang tandas awam di taman itu yang terencil dan tidak terurus, menjadi kawasan untuk pengunjung melakukan perbuatan tidak bermoral dan melepaskan gian.

"Bukan di tasik ini sahaja, malah semua taman awam perlu dipantau dan dikawal."

Pada zahirnya, taman awam memang meriah dengan aktiviti riadah, namun siapa sangka ia mungkin menjadi lokasi bagi mereka yang melakukan perkara tidak bermoral," katanya yang mahu DBKL menambah pencahayaan di taman tasik itu.

Taman Tasik Datuk Keramat kembali menjadi tumpuan umum selepas premis sementara Pusat Tahfiz Darul Quran Itifaqiyah yang terletak bersebelahan taman awam itu dibakar pada 14 September lalu yang meragut nyawa 21 pelajar tahfiz dan dua guru.

Siasatan polis mendapati beberapa dituduhkan sekumpulan remaja lelaki yang bermohtifan dendam selepas diejek oleh pelajar dan pusat tahfiz berkenaan.